

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI RABU : 6 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9, NO. 12 HINGGA NO. 42)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan usaha yang telah diambil oleh Kementerian bagi menghapuskan kartel dalam sektor bahan makanan bagi menggalakkan persaingan dan membasmi kegiatan kaut keuntungan melampau (*profiteering*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPDN melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melaksanakan penguatkuasaan terhadap amalan anti-persaingan dan telah berjaya mengenakan penalti kewangan sebanyak RM571.5 juta terhadap 107 syarikat kerana terlibat dalam kartel dan 2 syarikat monopoli yang menyalahgunakan kedudukan mereka.

Antara kes-kes kartel yang telah diambil tindakan dan melibatkan bahan makanan adalah seperti berikut:

- (1) Kartel pengeluaran ais di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya pada tahun 2015 - MyCC telah menumpaskan kartel ais yang terdiri daripada 24 pemain di 3 kawasan itu yang didapati menetapkan harga produk ais. Jumlah penalti yang dikenakan adalah RM252,250.00.
- (2) Kartel Persatuan Roti dan Manisan Sibul pada tahun 2015 - MyCC telah menumpaskan kartel pengeluar roti dan manisan di Sibul yang terdiri daripada 14 syarikat kerana menetapkan harga-harga produk tersebut. Jumlah penalti adalah RM247,730.00.
- (3) Kartel feri RORO Langkawi pada tahun 2021 – MyCC menumpaskan kartel yang terdiri dari 5 syarikat yang menjalankan perkhidmatan feri di antara Kuala Perlis dan Langkawi. Perkhidmatan ini membolehkan pengangkutan produk termasuk bahan makanan dihantar ke Langkawi. Mereka dikenakan penalti kewangan sebanyak RM2.19 juta.

Pada Disember 2023 pula, MyCC telah mengenakan penalti kewangan sebanyak RM415.5 juta terhadap 5 pengeluar makanan ayam kerana terlibat dalam kartel penetapan kuantum kenaikan harga makanan ayam.

Untuk memperkasakan lagi usaha memerangi kartel dalam sektor bahan makanan, MyCC telah menjalankan kajian am bertujuan untuk mengkaji struktur pasaran dan amalan perniagaan industri padi dan beras negara secara menyeluruh bagi mengenal pasti sebarang potensi isu persaingan. Kajian am ini juga sebahagian pendekatan *whole of nation* KPDN bagi membantu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk membentuk polisi baru bagi industri padi dan beras negara, dan dapatan kajian ini telah pun dikemukakan kepada KPKM.

Atas arahan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), MyCC juga sedang menjalankan kajian terhadap *Approved Permit* (AP) dan *Import Permit* (IP), dalam pengimportan barang makanan iaitu bawang, daging dan kelapa. Pada masa kini, MyCC sedang giat menjalankan sesi libat urus bersama agensi kerajaan dan pemain industri yang berkaitan. Dapatan kajian ini dijangka dibentangkan kepada MTEN sebelum akhir tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu penipuan Haji yang kerap berlaku setiap kali musim Haji sehingga menyebabkan mangsa mengalami kerugian wang ringgit dan terkandas di tanah suci.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, impian mengerjakan haji menjadi dambaan setiap umat Islam; walau bagaimanapun ianya perlu dilakukan dengan cara dan saluran yang betul bagi melengkapkan Rukun Islam ke-lima ini.
2. Ini adalah selari dengan konsep istito'ah dimana ibadat haji itu diwajibkan kepada mereka yang mampu, bukan hanya dari segi kewangan tetapi juga kebenaran untuk melakukan ibadat atau tergolong di dalam kuota rasmi negara Malaysia.
3. Namun, keinginan yang mendalam untuk menunaikan rukun Islam yang kelima disamping sifat tidak bertanggungjawab segelintir pihak juga telah mendorong kepada penipuan pakej haji yang berlaku hampir saban tahun.
4. Tabung Haji telah mengambil pelbagai langkah bagi mengekang kes-kes penipuan haji dan usaha berterusan dilakukan juga dengan kerjasama pihak berkaitan seperti Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (MOTAC) dan Polis Diraja Malaysia.

NO SOALAN : 12

5. Tabung Haji juga telah mengambil langkah untuk melantik dan memberi lesen Pengelola Jemaah Haji (PJH) kepada syarikat pelancongan tempatan, melakukan pemantauan terhadap promosi pakej-pakej yang diragui, usaha penguatkuasaan serta inisiatif bagi memupuk kesedaran awam untuk memilih syarikat yang betul dan mematuhi peraturan Kerajaan Arab Saudi.
6. Untuk Musim Haji 1445H/2024M, Tabung Haji telah melantik dan memberi lesen tahunan kepada 25 buah syarikat pelancongan tempatan yang berwibawa, termasuk anak syarikatnya Tabung Haji Travel & Services Sdn Bhd (THTS) untuk beroperasi sebagai Pengelola Jemaah Haji (PJH).
7. Tabung Haji sentiasa mengingatkan bakal jemaah untuk memilih syarikat PJH yang berlesen untuk membendung penipuan perkhidmatan pakej haji ini. Adalah menjadi satu kesalahan sekiranya syarikat pelancongan yang tidak mempunyai lesen PJH menawarkan pakej haji serta mengelola perkhidmatan haji, kerana melanggar Seksyen 27, Akta Tabung Haji 1995.
8. Tabung Haji juga sering membuat inisiatif peringatan di dalam media massa serta saluran lain seperti khutbah jumaat. Mana-mana individu atau agensi pelancongan yang menawarkan perkhidmatan pakej haji tanpa kelulusan daripada Tabung Haji boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Tabung Haji serta boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan bagi kes jenayah penipuan.

NO SOALAN : 12

9. Tabung Haji juga turut memantau iklan-iklan yang menawarkan pakej haji di media massa dan media sosial dan akan mengambil tindakan proaktif untuk memberi amaran kepada pihak-pihak yang membuat iklan tanpa lesen PJH.
10. MOTAC juga telah memberi amaran untuk membatalkan lesen syarikat pelancongan yang didapati terlibat dengan penipuan penyalahgunaan visa pelancong dan umrah bagi tujuan ibadat haji.
11. Disamping itu, Kerajaan Arab Saudi melalui Dewan Ulama tertinggi juga telah mengesahkan hukum bahawa jemaah haji yang datang tanpa proses atau peraturan yang betul, adalah haram dan berdosa.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD
SHAFIE BIN HAJI APDAL
[SEMPORNA]
TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL
[SEMPORNA] minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- (a) berapa jumlah program/projek Pembangunan Persekutuan dengan kos di bawah RM50 juta untuk Sabah dan Sarawak bagi RP3 dan RP4 RMKe -12; dan
- b) daripada jumlah tersebut, berapa yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana di bawah Kerajaan Sabah dan Sarawak dan peratusan perbelanjaan bagi RP3 dan RP4 (setakat bulan Oktober 2024).

JAWAPAN**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah program/projek pembangunan dengan **kos di bawah RM50 juta untuk Sabah dan Sarawak** bagi *Rolling Plan (RP3) dan (RP4) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)* adalah seperti berikut:
 - a. Bagi **negeri Sabah**, di bawah **Rancangan Malaysia Ketiga (RP3) bagi tahun 2023**, terdapat **1,001 program dan projek** yang dilaksanakan. Seterusnya, bagi **Rancangan Malaysia Keempat (RP4) tahun 2024**, jumlah program dan projek berkurang sedikit kepada **998**.
 - b. Sementara itu, di **negeri Sarawak**, di bawah **RP3 tahun 2023**, terdapat **861 program dan projek**. Jumlah ini meningkat dalam **RP4 tahun 2024**, mencapai **913 program dan projek**.
 - c. **Ringkasan** adalah seperti jadual di bawah:

Sumber data:
Maklumat dijana daripada
Sistem MyProjek
sehingga 21 Oktober
2024.

Negeri	RP/Tahun	Jumlah Program/Projek
Sabah	RP3 (2023)	1,001
	RP4 (2024)	998
Sarawak	RP3 (2023)	861
	RP4 (2024)	913

2. Berdasarkan kepada perkara di atas, jumlah program/projek pembangunan yang dilaksanakan oleh **agensi pelaksana di bawah Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak** serta **prestasi perbelanjaan bagi RP3 dan RP4 RMKe-12** bagi kedua-dua negeri adalah seperti berikut:
 - a. Bagi **negeri Sabah**, di bawah **RP3 tahun 2023**, **JKR Sabah** melaksanakan **128 program/projek** dengan peruntukan sebanyak **RM235,698,400.00** dan perbelanjaan **RM20,427,458.00**, mencatatkan prestasi belanja **8.67%**. **JPS Sabah** pula melaksanakan **2 program/projek** dengan peruntukan

RM2,400,000.00, namun belum ada perbelanjaan kerana status **pra pelaksanaan** dengan prestasi belanja **0.00%**.

Bagi **RP4 tahun 2024**, **JKR Sabah** merancang **181 program/projek** dengan peruntukan **RM331,401,020.00** dan perbelanjaan setakat ini **RM25,303,812.00** (prestasi belanja **7.64%**), manakala **JPS Sabah** melaksanakan **5 program/projek** dengan peruntukan **RM8,700,000.00** dan perbelanjaan **RM5,977,046.00**, mencatatkan prestasi belanja **68.70%**.

- b. **Bagi negeri Sarawak**, di bawah **RP3 tahun 2023**, **JKR Sarawak** melaksanakan **86 program/projek** dengan peruntukan **RM148,190,270.00** dan perbelanjaan **RM14,093,312.00**, dengan prestasi belanja **9.51%**. **JPS Sarawak** melaksanakan **2 program/projek** dengan peruntukan **RM2,335,000.00** dan perbelanjaan **RM58,816.00**, mencatatkan prestasi belanja **2.52%**.

Sementara itu, bagi **RP4 tahun 2024**, **JKR Sarawak** merancang **148 program/projek** dengan peruntukan **RM177,220,870.00** dan perbelanjaan setakat ini **RM23,971,191.00** (prestasi belanja **13.53%**), manakala **JPS Sarawak** melaksanakan **6 program/projek** dengan peruntukan **RM9,065,000.00** dan perbelanjaan **RM5,999,009.00**, dengan prestasi belanja **66.18%**.

- c. **Ringkasan** adalah seperti jadual di bawah:

Negeri	RP/ Tahun	Agensi Pelaksana	Jumlah Program/ Projek	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Prestasi Belanja
Sabah	RP3 (2023)	JKR Sabah	128	235,698,400.00	20,427,458.00	8.67%
		JPS Sabah	2	2,400,000.00	0 (Berstatus Pra Pelaksanaan)	0.00%
	RP4 (2024)	JKR Sabah	181	331,401,020.00	25,303,812.00	7.64%
		JPS Sabah	5	8,700,000.00	5,977,046.00	68.70%
Sarawak	RP3 (2023)	JKR Sarawak	86	148,190,270.00	14,093,312.00	9.51%
		JPS Sarawak	2	2,335,000.00	58,816.00	2.52%
	RP4 (2024)	JKR Sarawak	148	177,220,870.00	23,971,191.00	13.53%
		JPS Sarawak	6	9,065,000.00	5,999,009.00	66.18%

Sumber data: Maklumat dijana daripada Sistem MyProjek sehingga 21 Oktober 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hala tuju dan dan fokus utama yang disasarkan apabila Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN 2025 khususnya dalam menghadapi cabaran geopolitik antarabangsa dan integrasi ekonomi serantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Marang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025, Malaysia akan memberi tumpuan kepada prinsip Kepusatan ASEAN melalui dialog dan diplomasi, khususnya dalam menghadapi cabaran geopolitik antarabangsa dan integrasi ekonomi serantau, ke arah memelihara rantau yang aman, stabil, selamat dan makmur.

3. Dalam konteks hubungan luar ASEAN, Malaysia akan menggalakkan Rakan Dialog untuk menguruskan perbezaan mereka dengan penuh tanggungjawab serta mengelak ketegangan dari terus meruncing. Pada masa yang sama, Malaysia akan menekankan keperluan untuk ASEAN menolak sebarang pendekatan negatif dari luar yang boleh memecahbelahkan perpaduan ASEAN.

4. Dari segi integrasi ekonomi pula, Malaysia akan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN yang dilihat masih berada di peringkat yang rendah. Malaysia yakin bahawa penaiktarafan, dengan izin, '*ASEAN Trade in Goods Agreement*' (ATIGA) semasa Kepengerusian oleh Malaysia pada 2025 akan membantu usaha tersebut.

5. Pada masa yang sama, Malaysia akan mengemudi usaha-usaha meneroka dan memperluas kerjasama dan perkongsian ekonomi di luar rantau ASEAN. Penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN-GCC Ke-2 dan juga Sidang Kemuncak ASEAN + GCC + China adalah salah satu inisiatif Malaysia ke arah matlamat tersebut.

6. Semasa Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 juga, ASEAN akan melancarkan Visi Komuniti ASEAN 2045 dan Pelan-pelan Strategiknya yang akan melakar hala tuju strategik rantau ini bagi dua puluh (20) tahun akan datang. Sebagai Peneraju Utama, atau dengan izin, *Permanent Shepherd*, visi ini, Malaysia akan memastikan ia mampu berperanan

NO SOALAN : 14

sebagai dokumen teras yang akan menjadi kerangka utama dalam menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan kerjasama berkekalan di rantau ini.

7. Tema Kepengerusian ASEAN-Malaysia adalah Keterangkuman dan Kemampanan. Matlamat Malaysia adalah untuk menggalakkan pembangunan, pertumbuhan dan kemakmuran di peringkat semua lapisan masyarakat secara mampan demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :

- (a) bilangan pelindung kanak-kanak yang ditugaskan untuk bekerja dengan kanak-kanak yang terlibat dalam operasi penyelamatan GISB baru-baru ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah sokongan kaunseling trauma jangka panjang yang disediakan dan langkah-langkah untuk memastikan bahawa kes-kes sedia ada pegawai pelindung tersebut akan terus diuruskan dengan baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah terlibat dalam Op Global secara langsung bermula dari hari pertama operasi lagi iaitu pada 11 September 2024.
2. Seramai 884 pegawai JKM yang terdiri daripada Pelindung, Pegawai Diberi Kuasa (PDBK) dan Pegawai Psikologi terlibat dalam siri Op Global ini.
3. Sehingga 14 Oktober 2024, seramai 560 orang kanak-kanak yang mendapat perintah mahkamah merangkumi 283 kanak-kanak lelaki dan 277 kanak-kanak perempuan telah ditempatkan di Tempat-Tempat Selamat setelah JKM mendapat perintah jagaan sementara oleh Mahkamah mengikut peruntukan Seksyen 25(2)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].
4. Aspek pemulihan kepada kanak-kanak yang diselamatkan melalui Op Global ini sememangnya diberikan perhatian yang serius. Satu proses pemulihan dari aspek sosial dan psikologi telah dan akan dilaksanakan secara berterusan secara seiring oleh Pelindung dan Pegawai Psikologi dalam memastikan kanak-kanak tersebut menerima intervensi yang komprehensif yang sewajarnya.
5. Antara bantuan asas psikologi yang telah diberikan ialah *Psychological First Aid* (PFA), iaitu satu sistem sokongan psikososial awal dan praktikal yang disediakan dalam situasi krisis. PFA bukannya sesi kaunseling atau intervensi psikiatri tetapi ia merupakan pendekatan psikologi berasaskan kepada membina harapan positif serta memberi ruang kepada kanak-kanak agar berasa difahami dan didengari.
6. Bantuan asas ini dilaksanakan bagi meminimumkan impak psikososial meliputi kesan fizikal, sosial dan emosi kepada individu yang mengalaminya sebelum kaunseling dapat dilaksanakan. PFA memberi

fokus kepada lima (5) elemen asas bagi perubahan klien iaitu keselamatan (*safety*), ketenangan (*calming*), efikasi sendiri (*self-efficacy*), keterhubungan (*connectedness*), dan pengharapan (*hope*).

7. Selain PFA, saringan psikometrik juga dijalankan ke atas kanak-kanak yang diselamatkan bagi tujuan mengenal pasti bentuk intervensi yang bersesuaian dan diperlukan oleh kanak-kanak yang telah diselamatkan. Antara ujian psikometrik yang dijalankan termasuklah:

- (i) Penilaian Kesejahteraan Psikologi *Ryff* untuk menilai Tahap Kesejahteraan Psikologi;
- (ii) Mini Mental State Examination (MMSE) untuk mengenal pasti tahap kecelaruan Kognitif;
- (iii) Ujian Saringan 3M untuk menilai kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira; dan
- (iv) Ujian bagi mengenal pasti Simptom Trauma yang dialami.

8. Pegawai Psikologi akan terus membantu proses pemulihan emosi dan psikologikal mangsa dengan menyediakan perkhidmatan Psikopendidikan kepada kanak-kanak yang diselamatkan mengikut keperluan.

9. KPWKM sentiasa komited untuk bersama-sama agensi berkaitan dalam proses intervensi kanak-kanak yang telah ditempatkan di Tempat-Tempat Selamat ini. Pendekatan *whole of government* dalam hal ini diperlukan bagi mencapai keberhasilan yang positif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memberi tempoh lanjutan lesen kepada Lynas Malaysia Sdn. Bhd. dalam jangka masa panjang yang bertujuan untuk menggalakkan lagi industri Non-Radioactive Rare Earth Element (NR-REE) di peringkat hiliran dan pertengahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) amat memahami akan keperluan untuk menyediakan persekitaran pelaburan yang lebih kondusif dan kompetitif bagi industri yang berkait dengan *Rare Earth Element* (REE), untuk menarik dan seterusnya mengekalkan kehadiran pelabur dalam industri berkenaan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (NRES) melalui Jabatan Mineral dan Galian (JMG) telah mengeluarkan Lesen Memproses Mineral (LMM) kepada pihak Lynas untuk tujuan pembelian, penyimpanan, pemilikan, pemprosesan dan penjualan mineral (REE).
3. Sehubungan dengan itu, sebarang permohonan untuk lesen seterusnya sekiranya REE yang diproses mengandungi bahan radioaktif, permohonan hendaklah dibuat dengan mematuhi kehendak perundangan sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]
TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk melibatkan komuniti setempat dalam merancang pembangunan infrastruktur EV.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menggalakkan penglibatan komuniti setempat dalam pembangunan infrastruktur EV di seluruh negara melalui sesi libat urus dengan pelbagai pihak dan perkongsian maklumat semasa program-program bersama rakyat, bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mengenai faedah EV kepada alam sekitar dan ekonomi.
2. Bagi membantu menyelesaikan isu pembangunan infrastruktur EV (stesen pengecas awam) yang tidak sekata di antara kawasan bandar dan luar bandar, Kerajaan telah melaksanakan sesi libat urus bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertujuan untuk memberi penerangan tentang potensi pasaran EV dan keperluan sokongan infrastruktur pengecas awam. PBT diminta merujuk Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB) yang telah diterbitkan oleh PLAN Malaysia sebagai panduan dan memberi kerjasama dalam menyelesaikan isu-isu berbangkit berkenaan pemasangan pengecas awam di kawasan masing-masing.
3. MITI juga sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Industri Pengecas EV (PIPEV) yang turut memainkan peranan yang penting bagi memastikan masalah atau kekangan yang dihadapi dalam proses pembangunan infrastruktur EV dapat ditangani dengan berkesan.
4. Selain itu, MITI telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya, rangkaian *hypermarket*, Persatuan Pengurusan Kompleks Membeli Belah serta Persatuan Hotel dan Persatuan Pemilik Hotel Malaysia bagi menggalakkan premis-premis berkaitan disokong oleh perkhidmatan pengecas awam EV untuk keperluan para pelanggan.
5. MITI juga komited untuk menyampaikan maklumat berkenaan ekosistem EV melalui Program MADANI Rakyat, Malaysia Autoshow, MITI Day dan lain-lain program anjuran Kerajaan yang dilihat sebagai platform terbaik untuk menyebarkan luas dasar dan inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh Kerajaan Perpaduan.
6. Berdasarkan kepada maklumat yang dikumpul oleh *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) sehingga 30

NO SOALAN : 17

September 2024, sejumlah 3,171 unit pengecas awam telah dipasang di seluruh negara. Daripada jumlah ini, 813 unit adalah jenis (*Direct Current - DC*) manakala 2,358 unit adalah jenis (*Alternating Current - AC*).

7. Merujuk kepada nisbah jumlah kemudahan pengecas EV sedia ada kepada jumlah BEV iaitu 1 kepada 9, jumlah pengecas awam ini adalah mencukupi untuk menampung kegunaan kira-kira 31,000 unit *Battery Electric Vehicle* (BEV) bagi kenderaan penumpang yang telah berdaftar sehingga kini.

8. Dengan usaha Kerajaan secara berterusan di pelbagai peringkat dan komitmen industri untuk membantu menyokong Kerajaan, pembangunan positif infrastruktur EV diharap akan terus konsisten dan mampu mencapai sasaran yang diinginkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR
BIN RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada terdapat cadangan untuk memberikan peruntukan bantuan ihsan bagi membina semula rumah yang terbakar, khususnya yang melibatkan golongan B40 dan M40 selain daripada bantuan segera seperti makanan, selimut, tilam, dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan dan sokongan kewangan kepada golongan berkeperluan ke arah pencegahan, pemulihan, perlindungan, pembangunan dan pengintegrasian yang dilaksanakan selaras dengan Teras Perkhidmatan JKM.
2. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, perlbagai agensi rentas kementerian terlibat dalam pengurusan bencana dan diterajui oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Selaras dengan Senarai Bersama (*Concurrent List*) antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam hal-hal berkait dengan kebajikan masyarakat, pada tahun 2024 Kerajaan Persekutuan telah memperuntukan sebanyak RM12.06 juta kepada JKM bagi tujuan bantuan pemulihan kepada mangsa bencana untuk pembelian barang keperluan asas, makanan kering dan sebagainya bagi memastikan kesiapsiagaan bencana dalam keadaan terbaik.
3. Merujuk kepada tafsiran bencana Arahan MADMA No. 1 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara), "Bencana" ertinya suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan atau impak kepada alam sekitar serta ekosistem, yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggembleran sumber yang ekstensif. Dalam konteks ini, kebakaran dalam skala atau situasi yang kecil tidak secara langsung tergolong sebagai tafsiran bencana. Justeru pada masa ini, tiada peruntukan bantuan ihsan bagi membina semula rumah terbakar disediakan.
4. Namun, berdasarkan semangat dan falsafah bahawa pelaksanaan bantuan kebajikan adalah terkandung di dalam Senarai Bersama (*Concurrent List*) antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri,

yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah Senarai 3 – Jadual Kesembilan Senarai Perundangan, inisiatif dan tanggungjawab bagi pemberian bantuan selain daripada yang telah disediakan di bawah Persekutuan seperti membaiki dan membina semula rumah yang terbakar telah dijalankan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri untuk diperuntukkan bantuan di bawah bidang kuasa dan peruntukan kerajaan negeri. Kadar kadar bantuan ini adalah berbeza bagi setiap negeri.

5. JKM telah bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menyalurkan peruntukan bantuan dan skim yang diwujudkan di bawah inisiatif negeri. Atas semangat “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”, usaha jitu antara Kerajaan akan terus diperutuh demi manfaat rakyat terutama kumpulan sasar Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah langkah berjaga-jaga yang telah diambil oleh Kementerian untuk menjangkakan potensi kesan fenomena La Nina ke atas Malaysia, khususnya dari segi tebatan banjir, kesiapsiagaan menghadapi bencana dan sokongan kepada masyarakat yang terdedah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan majoriti model iklim antarabangsa menunjukkan fenomena La Niña lemah dijangka bermula antara bulan Oktober hingga November 2024 dan akan berterusan sehingga Mac 2025.
2. Di Malaysia, fenomena La Niña lemah ini dijangka tidak akan memberikan kesan yang signifikan terhadap taburan hujan di negara kita. Walau bagaimanapun, memandangkan La Niña berlaku serentak dengan Monsun Timur Laut, sedikit peningkatan jumlah hujan mampu menyebabkan bencana banjir terutamanya di negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung dan Sabah. Ini adalah kerana negara kita mengalami cuaca yang lebih lembap dan berawan semasa Monsun Timur Laut. Secara amnya, tiada corak peningkatan jumlah hujan yang konsisten semasa La Niña di Malaysia kerana setiap kejadian La Niña memberikan kesan yang unik dan berlainan. Rekod Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) menunjukkan yang La Niña berintensiti lemah hingga sederhana tidak memberi kesan yang ketara dari segi corak taburan hujan negara.
3. Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu sepanjang tahun sentiasa memantau situasi status La Niña ini. MET Malaysia mengeluarkan tinjauan cuaca jangka panjang berdasarkan konsensus beberapa model tinjauan iklim antarabangsa bagi mengesan pembentukan La Niña dan mengemaskini maklumat setiap bulan yang dipaparkan di laman sesawang rasmi MET Malaysia.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MET Malaysia melalui Pusat Operasi Cuaca & Geofizik Nasional (POCGN) bersama pejabat-pejabat ramalan negeri dan stesen-stesen pencerapan meteorologi di seluruh negara beroperasi 24 jam dalam melakukan pencerapan dan pemantauan cuaca secara berterusan.

5. Disamping itu, MET Malaysia sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap sistem ramalan cuaca negara bagi menghasilkan ramalan yang lebih tepat dan seterusnya dapat membantu pihak agensi pengurusan bencana untuk bertindak lebih awal dalam memastikan keselamatan rakyat terjamin. MET Malaysia juga sentiasa terus membekalkan maklumat-maklumat berkaitan kepada pihak pemegang taruh dalam usaha kesiapsiagaan menghadapi pelbagai kemungkinan bencana alam yang akan berlaku.

6. Seiring dengan perkembangan teknologi semasa bagi meningkatkan sistem penyampaian, MET Malaysia telah membangunkan aplikasi mobil myCuaca yang dapat memberikan maklumat cuaca dan gempa bumi untuk diakses pada bila-bila masa oleh orang ramai. MET Malaysia juga turut membangunkan aplikasi mobil RakanMET iaitu medium perkongsian maklumat cuaca setempat di kalangan orang awam. Selain itu, Jabatan juga menyampaikan ramalan dan amaran cuaca menggunakan pelbagai medium seperti media sosial (Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube), laman sesawang Jabatan dan media massa (televisyen dan radio).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Wisma Putra berhubung status pemerolehan Global Infrastructure Partners (GIP) oleh BlackRock yang diumumkan pada 13 September 2024 dalam pembelian saham MAHB yang mencetuskan kebimbangan mengenai keselarasan dasar luar negara untuk kekal tiada hubungan langsung dan normalisasi dengan negara Israel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Sik** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Dasar luar Malaysia berkaitan dengan hubungan dengan Israel adalah sentiasa jelas dan tegas. Malaysia tidak pernah mengiktiraf Israel. Oleh itu, Malaysia tidak terlibat dalam sebarang hubungan diplomatik atau institusi secara langsung dengan Israel atau mana-mana negara yang mewakili Israel.

3. Namun, perkara ini telah dijelaskan dengan teliti oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada sesi Dewan Rakyat yang lalu. Penjualan pegangan saham dalam Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) kepada *Global Infrastructure Partners* (GIP) dibuat selepas melalui syarat ketat. GIP terpilih kerana menepati kriteria-kriteria utama, antaranya kepakaran teknikal dalam pengendalian lapangan terbang dan kekuatan kewangan untuk melaksanakan transaksi dan pelaburan besar; mempunyai rekod pencapaian kukuh dalam transformasi lapangan terbang; kesanggupan untuk mengambil kepentingan minoriti dan kesanggupan untuk keluar setelah usaha transformasi membuahkan hasil. Walaupun GIP akan diambil alih oleh BlackRock, pihak pengurusan sedia ada GIP akan mengekalkan kawalan penuh dan bertanggungjawab bagi hala tuju strategik dan operasi GIP.

4. Yang Berhormat Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri juga telah menjelaskan bahawa BlackRock adalah syarikat senaraian awam dan tidak dimiliki Israel.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi Kementerian Luar Negeri, tumpuan utama Malaysia adalah genjatan senjata segera dan kekal tercapai. Malaysia tetap bersolidariti bersama rakyat Palestin dan menggesa masyarakat antarabangsa untuk bersatu, mengambil tindakan berani dan tegas bagi memastikan rejim Zionis Israel dipertanggungjawabkan atas jenayah yang tidak berperikemanusiaan.

6. Malaysia akan terus menyokong penubuhan sebuah Negara Palestin yang merdeka berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negaranya, dan akan bekerjasama dengan negara-negara sepemikiran untuk memastikan keanggotaan penuh Palestin di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW
[IPOH TIMUR]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMUR] minta MENTERI PELABURAN,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI menyatakan**

- a. jumlah syarikat pengilang kalsium karbida profesional yang telah berhenti beroperasi sejak 10 tahun lalu, mengikut tahun; dan
- b. apakah dasar untuk melindungi industri ini pada ketika barang mentah asasi pengoperasiannya iaitu tarif tenaga elektrik menjadi semakin mahal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Kalsium karbida** merupakan salah satu **bahan mentah asas** dalam **industri kimia sintesis organik**. Ia adalah bahan mentah yang penting bagi **industri kimia asetilena**. Asetilena yang diperbuat daripada kalsium karbida digunakan secara meluas dalam **kimpalan dan pemotongan logam**.
2. Sehingga kini terdapat **dua (2) syarikat** telah diluluskan **Lesen Pengilang** oleh **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)** bagi pengeluaran **kalsium karbida**, iaitu syarikat **Magnalium Sdn. Bhd.** yang telah diluluskan lesen pengilang pada tahun **1997** dan syarikat **MBC Industries Sdn. Bhd.** yang telah diluluskan lesen pengilang pada tahun **2014**.
3. Namun, pada masa ini hanya satu syarikat yang masih beroperasi, iaitu Magnalium Sdn. Bhd., manakala syarikat MCB Industries Sdn. Bhd. telah menghentikan operasinya pada tahun 2020, kesan daripada pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan operasi syarikat.
4. Dalam usaha membantu mewujudkan pasaran yang lebih berdaya saing bagi industri **kalsium karbida** tempatan, Kerajaan telah mengenakan kadar **duti import** bagi kalsium karbida (Kod HS: 2849100000) **sebanyak 20%**. Kadar duti yang tinggi bagi pengimportan bahan ini adalah untuk melindungi pengeluar Kalsium Karbida tempatan daripada pengeluar-pengeluar kalsium karbida dari luar negara terutamanya negara China yang menawarkan harga yang lebih rendah.
5. Sebagai langkah untuk meminimumkan kesan sekiranya berlaku kenaikan bil elektrik disebabkan oleh surcaj *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), para pengguna elektrik di Semenanjung digalakkan melanggan **Green Electricity Tariff (GET)** iaitu bekalan elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). Pelanggan GET akan turut memiliki *Renewable Energy Certificate* (REC) yang akan dapat membantu bagi

memenuhi komitmen *Environmental, Social & Governance* (ESG) dan menyokong agenda TBB negara.

6. Selaras dengan aspirasi dan komitmen Kerajaan dalam aspek kelestarian tenaga, ***National Energy Transition Roadmap (NETR)*** telah menggariskan strategi Kerajaan dalam menggalakkan industri beralih ke arah ekonomi rendah karbon. Dalam hubungan ini, Kerajaan menggalakkan syarikat yang menjalankan aktiviti hijau yang berke Layakan untuk memohon insentif berkaitan Teknologi Hijau, iaitu *Green Investment Tax Allowance (GITA)* and *Green Income Tax Exemption (GITE)*. Syarikat boleh mengemukakan permohonan menyertai Projek GITA dan GITE Solar Leasing untuk tujuan perniagaan kepada MIDA yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah proses yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk menggubal Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok (GSA) 1960 bagi memastikan akta ini relevan dengan keadaan semasa.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Objektif pindaan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] adalah bagi menangani isu-isu berbangkit bagi memenuhi kepentingan semasa dan akan datang melalui pemeraksanaan Akta 530.

Sehubungan itu, pihak Kerajaan melalui Bahagian Kawal Selia FELDA, Jabatan Perdana Menteri (BKSF JPM) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) kini sedang giat melaksana Sesi Libat Urus (SLU) dengan pemegang taruh dan pihak berkepentingan bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas di peringkat akar umbi terhadap isu-isu Kawasan Penempatan Berkelompok (GSA) dan Akta 530.

Pelaksanaan SLU ini melibatkan peneroka, generasi baharu, badan-badan bukan Kerajaan (NGO's) berkaitan FELDA, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri, Pentadbir Tanah Negeri dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Negeri. SLU ini akan diteruskan melibatkan SLU dengan Pihak Berkuasa Negeri (PBN), kementerian/agensi terlibat, FELDA dan *backbanchers*.

Input SLU ini akan dijadikan asas pertimbangan bagi tujuan penetapan dasar yang akan diperhalusi melalui bengkel dan Mesyuarat Penyelarasan Pindaan Akta 530 (MPPA 530) dengan persetujuan Menteri yang bertanggungjawab sebelum diangkat ke kabinet. Cadangan ketetapan dasar berhubung perkara ini dijangka dimuktamadkan seawal tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah yang terlibat dalam rangkaian GISB, apakah rancangan untuk menguruskan mereka dan mengapa Kerajaan terlalu lambat mengambil tindakan kepada GISB yang telah digerakkan selepas pengharaman Al-Arqam 1994.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini dianggarkan ahli GISBH adalah seramai 10,500 orang dan 9,000 orang daripadanya dipercayai berada di dalam negara.
2. Dalam menguruskan kumpulan ini, Kerajaan telah menyediakan pelan tindakan pemulihan terhadap ahli GISBH meliputi tindakan pemulihan ke atas kanak-kanak GISBH yang ditempatkan di pusat penjagaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), JKM dan agensi lain yang berkaitan. Selain daripada itu, pelan tindakan pemulihan secara sukarela kepada ahli GISBH yang hadir untuk mengikuti sesi pemulihan secara sukarela juga dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN), Majlis /Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN/JAIN) dan lain-lain agensi berkaitan.

3. Dalam melaksanakan kajian yang komprehensif dan lengkap, ia bukanlah sesuatu yang mudah. Proses mengumpul bahan bukti dan sumber yang diyakini serta boleh disahkan dari sudut perundangan perlu melalui penelitian yang tinggi. Lebih-lebih lagi bagi menangani sesuatu amalan atau ajaran yang berselindung di sebalik aktiviti lain yang kelihatan benar dan sah di sisi undang-undang. Proses ini tentunya tidak sukar sekiranya sesuatu ajaran atau amalan itu jelas dan terang-terangan bercanggah dengan syariat Islam dan amalan tersebut dapat dibuktikan dengan jelas dan kukuh.

4. Dalam hal ini, JAKIM telah bertindak mengikut ruang lingkup fungsi dan peranan yang ada dan tidak melakukan sesuatu tugas yang melangkaui fungsi pihak berkuasa lain. Namun, kerjasama, khidmat nasihat dan perundingan dengan pihak berkuasa di peringkat persekutuan dan negeri sentiasa dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan proses berjalan dengan lancar dan sempurna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bilakah penguatkuasaan dan pematuhan Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP) oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dapat dilaksanakan memandangkan perwakilan kuasa oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) tidak berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia mengenai perwakilan kuasa di bawah seksyen 34A Akta kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] bagi membolehkan Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP) oleh Jabatan PERHILITAN dapat dilaksanakan.

2. Dalam hal ini, JAS telah menyediakan draf Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kepada Agensi) 2024 berhubung perwakilan kuasa kepada Jabatan PERHILITAN dan perintah ini dijadualkan untuk dimuktamadkan pada akhir tahun 2024

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan :**

- (a) apakah strategi Kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong antarabangsa dalam menghadapi persaingan dari negara-negara jiran ; dan
- (b) apakah komitmen Kementerian untuk mempromosikan pelancongan lestari di Malaysia berbanding negara-negara jiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensi seliaannya Tourism Malaysia sentiasa bersama-sama dengan penggiat industri pelancongan tempatan bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang berdaya saing dan *value-for-money* kepada pelancong-pelancong asing. Strategi untuk menarik lebih ramai pelancong asing melawat Malaysia termasuk ;

- i. Tourism Malaysia akan terus menyertai pameran-pameran pelancongan antarabangsa seperti International Tourisme Bourse (ITB) Berlin, Arabian Travel Mart (ATM) Dubai dan ASEAN Tourism Forum (ATF). Selain penyertaan di pameran-pameran antarabangsa sedia ada, Tourism Malaysia turut mengadakan misi galakan pelancongan di negara-negara seperti China, India, Eropah, dan Timur Tengah. Misi galakan ini juga merupakan platform kepada penggiat industri untuk mempromosikan Malaysia di negara-negara terlibat;
- ii. Meningkatkan kerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan dan meluaskan rangkaian penerbangan terus dengan mengadakan kolaborasi dengan agensi-agensi pelancongan utama, termasuk *Online Travel Agents* (OTA) dalam dan luar negara. Ini melalui kerjasama strategik pemasaran dan kempen taktikal untuk mempromosikan pelbagai produk dan pakej pelancongan baharu;

NO SOALAN : 25

- iii. Penganjuran program lawatan familiarisasi (*famtrip*) bersama media dan agensi pelancongan bagi memberikan pengalaman sebenar terhadap produk & destinasi pelancongan yang baharu;
 - iv. Mengoptimumkan usaha promosi pelancongan melalui kempen pengiklanan digital dan media sosial seperti Facebook, Instagram, Youtube, TikTok, Weibo, Douyin dan Xiao Hong Shu (*Little Red Book*); dan
 - v. Memfokuskan kepada pasaran-pasaran sasaran utama iaitu pasaran jarak dekat dan pasaran jarak sederhana yang menyumbang kepada jumlah kedatangan pelancong asing seperti negara-negara ASEAN, Asia Barat, Asia Timur dan Asia Selatan untuk pulangan pelaburan yang pantas (*fast conversion*).
- (b) MOTAC sentiasa memberikan komitmen yang tinggi untuk mempromosikan pelancongan lestari di Malaysia. Ini termasuk :-
- i. meningkatkan kerjasama di peringkat antarabangsa dengan pertubuhan pelancongan pelbagai hala seperti *UN Tourism* dan *United Nations Development Programme* (UNDP) bagi memanfaatkan program-program pembangunan kepakaran dan bantuan teknikal berkaitan pelancongan lestari;
 - ii. membangun dan melaksanakan pengelasan premis penginapan pelancongan hijau atau *Green Hotel* bagi menggalakkan amalan hijau;

NO SOALAN : 25

- iii. memperkasa Program Pengalaman Homestay Malaysia bagi meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar menerusi pelancongan lestari; dan
- iv. sehingga tahun 2024, MOTAC telah diperuntukkan sebanyak RM570 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 bagi membangun dan menaik taraf kemudahan pelancongan termasuk ekopelancongan dan pelancongan lestari.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN
HAJI MOHD. YASSIN
[PAGOH]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan

- (a) apakah pendekatan Kerajaan menerusi penyertaan Malaysia dalam BRICS dalam memastikan Malaysia meraih manfaat termasuk aspek keselamatan sempadan perairan negara di Laut China Selatan; dan
- (b) perincian sama ada pengumuman Hasrat Malaysia menyertai BRICS setelah dibuat kajian impak menyeluruh oleh pakar atau atas nasihat Wisma Putra.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pagoh** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. BRICS merupakan sebuah organisasi yang kini dianggotai oleh sembilan (9) buah negara, iaitu Brazil, Rusia, India, China, Afrika Selatan, Emiriah Arab Bersatu, Ethiopia, Iran dan Mesir.

3. Negara-negara anggota BRICS secara kolektif mewakili lebih daripada 3.2 bilion penduduk, atau 41.5% daripada populasi dunia.

4. Dari segi ekonomi, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Anggota BRICS secara kumulatif adalah berjumlah USD26.6 trilion, iaitu 26.2 peratus daripada KDNK dunia. Ini adalah hampir sama dengan kekuatan ekonomi negara-negara G7.

5. Kekuatan ekonomi Negara anggota BRICS sebagai sebuah blok akan membantu meningkatkan perdagangan antarabangsa di kalangan Negara-negara anggotanya, termasuk Malaysia. Dalam hal ini, penyertaan Malaysia sebagai Negara Rakan BRICS adalah selari dengan usaha memacu ekonomi negara untuk berkembang dengan lebih pesat, stabil, dan berdaya tahan.

6. Ini kerana ia berupaya untuk membuka peluang pasaran baharu untuk perdagangan negara yang seterusnya dapat meningkatkan perdagangan dan pelaburan langsung asing, atau dengan izin, *foreign direct investment (FDI)*, dengan negara-negara anggota BRICS, sekali gus mengimbangi kebergantungan negara kepada pasaran tradisional sedia ada.

NO SOALAN : 26

7. Sebagai sebuah negara perdagangan, atau dengan izin *trading nation*, adalah penting untuk Malaysia menjalinkan hubungan baik dengan semua negara, terutama dalam meneroka potensi yang membawa manfaat melalui perdagangan dan pelaburan baharu.

8. BRICS yang penubuhannya berasaskan pembangunan ekonomi dan kewangan, tidak membincangkan isu-isu keselamatan, termasuk isu Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Hasrat Malaysia menyertai BRICS telah dizahirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 13 Jun 2024. Hasrat penyertaan Malaysia ini adalah berpaksikan kepada kepentingan kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan Negara-negara Anggota BRICS yang dapat memacu pembangunan ekonomi Negara.

10. Kementerian Luar Negeri akan sentiasa memastikan kepentingan negara terjaga dan terpelihara dalam penyertaan Malaysia dalam semua organisasi antarabangsa, termasuk BRICS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memperkasakan penguatkuasaan dan siasatan di bawah Akta Alam Sekeliling 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berikutan pindaan terhadap akta yang kini berkuatkuasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana semua ahli yang berhormat sedia maklum, Akta kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 ini telah diwartakan pada 6 Jun 2024 setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 27 Mei 2024. Pindaan ini telah mula berkuatkuasa mulai 7 Julai 2024. Sehubungan itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk memperkasakan penguatkuasaan dan siasatan agar selari dengan pindaan akta yang telah dibuat. Antara langkah-langkah yang diambil termasuk:

- i. Menyediakan latihan kemahiran kepada anggota penguatkuasa secara berfokus dan berterusan;
- ii. Meningkatkan keupayaan maklumat risikan elemen pencemaran bersama dengan agensi penguatkuasa yang berkaitan;
- iii. Melaksanakan penguatkuasaan menerusi program *Smart Enforcement* dengan penggunaan teknologi maklumat dan teknologi pintar bagi membolehkan pemantauan pematuhan dan kerja-kerja siasatan dapat dilakukan dengan lebih cepat dan berkesan;
- iv. Menjalankan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama dengan agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Badan Kawal Selia Air Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- v. Melaksanakan perolehan pakaian seragam kepada semua anggota penguatkuasa JAS agar lebih dikenali setanding dengan agensi penguatkuasa yang lain; dan
- vi. Membuat perolehan kenderaan dan keperluan peralatan teknikal bagi memastikan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih baik dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU
ISMAIL [KUBANG PASU]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]
minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan:

- a) langkah Kementerian bagi menangani isu setiap penduduk Malaysia menelan swallows purata 502.3 miligram mikroplastik sehari; dan
- b) apakah kemajuan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik 2018-2030 dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik 2021-2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) mengambil maklum dan memandang serius terhadap semua artikel-artikel dan kajian-kajian yang diterbitkan termasuk dalam *Environment Science and Technology*. Berdasarkan artikel yang diterbitkan pada 21 Mei 2024 ini, dikatakan Malaysia telah dikategorikan sebagai negara yang rakyatnya yang paling banyak memakan mikroplastik yang dianggarkan sebanyak 15 gram/sebulan (*microplastic consumption*).

2. Berkenaan *microplastic consumption*, kajian tersebut mengaitkan dengan tabiat pemakanan ikan dan makanan laut (*seafood*). Dalam hal ini, berkemungkinan perkara ini terjadi akibat daripada pencemaran sisa plastik yang “terlepas” atau “tidak dapat dikutip” atau “terbuang” sama ada secara sengaja atau tidak sengaja ke dalam persekitaran (*leakage of plastic waste into the environment*) yang akhirnya akan mengalir ke sungai, saluran dan seterusnya ke lautan. Perkara ini juga dikaitkan dengan *marine litter* atau *marine debris*.

3. Sehubungan itu, Kementerian telah mengambil pelbagai langkah dalam menangani isu *marine litter* dan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dengan berpandukan *National Marine Litter Policy and Action Plan 2021-2030*, *Malaysian Plastic Sustainability Roadmap 2021-2030* (MPSR) dan Pelan Hala Tuju Malaysia ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 (Pelan SUP).

Tuan Yang di-Pertua,

4. Seterusnya berhubung dengan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik 2018-2030 (MPSR) dan Pelan *Single Use Plastic* (SUP) adalah di landasan yang betul. Kementerian masih meneruskan usaha ke arah mencapai matlamatnya pada tahun 2030. Namun, wujud cabaran ekoran pandemik covid dan fragmentasi autoriti dalam pengurusan plastik antara Kementerian dan Kerajaan Negeri dan Tempatan.

5. Banyak usaha telah digerakkan oleh industri seperti menggunakan bahan kitar semula (recycling material) dalam pembuatan plastik (*plastic manufacturing*), melaksanakan peluasan tanggungjawab pengeluar (*extended producer responsibility - ERR*).
6. Untuk makluman, MPSR menyasarkan pelaksanaan kitaran plastik secara menyeluruh dengan menerapkan konsep ekonomi kitaran (circular economy) dalam rantai pengurusan plastik. Langkah ini diyakini akan dapat memastikan plastik yang terhasil adalah plastik boleh dikitar semula dan seterusnya dapat mengurangkan janaan sisa plastik berakhir di tapak pelupusan sampah. Kementerian berhasrat supaya pembuatan plastik akan ditambah baik kepada reka bentuk yang lestari (*sustainable design*). Untuk makluman, Kementerian menjalankan kerjasama dengan SIRIM bagi inisiatif *eco-design*.
7. Manakala Pelan SUP adalah menyasarkan sifar sisa plastik sekali guna pada 2030. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah secara berfasa. Bagi memastikan penghapusan plastik sekali guna dilaksanakan dengan teratur, Kementerian sedang mengenal pasti dan menyediakan senarai awal bagi plastik sekali guna yang bermasalah, tidak diperlukan dan boleh dielakkan (*problematic, unnecessary and avoidable single use plastic*). Melalui senarai ini, penghapusan (*phasing out*) dan pengurangan (*phasing down*) plastik sekali guna dilaksanakan secara bersasar.
8. Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan dengan kerjasama Kerajaan Negeri adalah dengan mengenakan caj pencemaran minima sebanyak 20 sen ke atas beg plastik konvensional di premis tetap. Ini adalah selaras dengan pendekatan *user pay principle* yang mana ia akan berfungsi sebagai *deterrent* bagi mengurangkan penggunaan dan pencemaran plastik sekali guna. Negeri-negeri yang telah melaksanakan pendekatan *user pay principle* telah dimulakan di Pulau Pinang dan diikuti dengan Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak, Kedah dan Perlis.
9. Kementerian sedang meneliti semua pelaksanaan *user pay principle* dengan menetapkan hala tuju baru. Kementerian sedang mempertimbangkan tiada lagi pemberian “beg plastik sekali guna” seawal 2026 (atau lebih awal) di seluruh Malaysia.

10. Kementerian telah menerima maklum balas positif daripada sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing yang telah dijalankan di 9 buah negeri. Libat urus seterusnya akan dijalankan di Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah.

11. Untuk makluman, negeri-negeri yang telah melaksanakan dasar “tiada beg plastik sekali guna” adalah Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan di Kota Kinabalu, Sabah. Wilayah Persekutuan secara dasarnya juga tidak lagi memberikan beg plastik sekali guna (konvensional) dan menggalakkan kepada beg plastik biodegradasi.

12. Akhir sekali, Kementerian komited dan yakin bahawa kempen dan sesi libat urus berterusan yang melibatkan semua pihak amat penting dalam memastikan kejayaan pelestarian plastik ini. Oleh yang demikian, Kementerian akan terus dan kekal bekerjasama dengan semua pihak terutamanya pihak industri dan pertubuhan bukan kerajaan (*non government organisation* - NGO) dalam meningkat kesedaran masyarakat. Pada masa yang sama, Kerajaan akan berusaha untuk terus menambahbaik pengurusan plastik secara lestari termasuk menangani pencemaran sisa plastik di ekosistem marin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan Malaysia telah menandatangani Global Methane Pledge pada tahun 2021 untuk mengurangkan pelepasan gas metana sebanyak 30% menjelang 2030:

- a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian sejak 2021; dan
- b) adakah rancangan untuk mewujudkan halatuju/pelan kebangsaan penurunan pelepasan gas metana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan laporan Malaysia's Fourth Biennial Update Report (BUR-4) pada tahun 2022, pelepasan gas metana pada tahun 2019 di Malaysia adalah sebanyak 740,000 tan karbon dioksida setara (*tonne CO₂ equivalent*).

2. Antara punca utama pelepasan gas metana adalah dari sektor tenaga iaitu aktiviti pembakaran bahan api fosil termasuk pelepasan fugitif dari sektor minyak dan gas, sektor sisa iaitu dari sisa buangan industri, dan sektor pertanian daripada aktiviti penanaman padi. Memandangkan gas metana mempunyai potensi pemanasan global (*global warming potential – GWP*) 25 kali ganda lebih tinggi dari pelepasan karbon dioksida, kerajaan telah melaksanakan pelbagai tindakan mitigasi pelepasan gas metana. Antara tindakan mitigasi pelepasan gas metana yang dilaksanakan adalah pengurangan "*venting and flaring*" gas metana daripada aktiviti pemprosesan minyak dan gas, pemerangkapan metana dari efluen pembuangan loji minyak kelapa sawit, dan program pensijilan pertanian organik.

3. Selain itu juga, Malaysia juga menyertai perikatan *Global Methane Pledge* pada tahun 2021 bagi meningkatkan kerjasama antarabangsa dalam menangani pelepasan gas metana. Di bawah perikatan ini, pihak Kesatuan Eropah juga bercadang untuk melancarkan *Methane Abatement Partnership Roadmap* di sela-sela persidangan UNFCCC COP-29 di Baku, Azerbaijan pada tahun ini. Pelan tersebut memberi tumpuan kepada usaha pengurangan pelepasan gas metana daripada aktiviti penghasilan bahan api fosil seperti sektor minyak dan gas.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Selain kerajaan, pihak swasta juga aktif terlibat di dalam inisiatif antarabangsa untuk menangani pelepasan gas metana. Sebagai contohnya, pihak Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) telah menjadi ahli

NO SOALAN : 29

kepada *Oil and Gas Methane Partnership 2.0* (OGMP 2.0) di bawah *United Nations Environment Programme* (UNEP).

5. Kerajaan juga sedang mempertimbangkan cadangan untuk membangunkan pelan hala tuju kebangsaan untuk menangani pelepasan gas metana pada masa hadapan. Bagi tujuan ini, kerajaan akan menerokai potensi untuk mendapatkan pembiayaan daripada Rancangan Malaysia dan juga sokongan teknikal serta pembangunan kapasiti daripada organisasi pelbagai hala antarabangsa seperti UNFCCC dan UNEP atau melalui kerjasama dua hala dengan negara maju di bawah perikatan *Global Methane Pledge*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan faktor kelewatan dalam pengisian jawatan Hakim Besar Malaya yang baharu memandangkan jawatan tersebut telah kosong sejak Mac 2024.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tatacara pemilihan bagi mengisi kekosongan jawatan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya hendaklah mengikut Perlembagaan Persekutuan khususnya Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695] dan Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Proses Pemilihan dan Keadah Pelantikan Hakim-Hakim Mahkamah Atasan) 2009 [P.U. (A) 209/2009].
2. Proses pemilihan bagi mengisi kekosongan jawatan kini berada dalam tindakan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) yang menjalankan fungsi dan tatacara yang diperuntukkan di bawah undang-undang sebagaimana dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila pegawai polis atau pengiring TMJ yang menyerang seorang pemandu Grab yang pekak dan bisu pada bulan Mei tahun ini akan didakwa di mahkamah memandangkan bukti rakaman video serangan tersebut amat jelas.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suspek yang menyerang pemandu Grab yang pekak dan bisu di hadapan lobi Hotel St. Regis, Kuala Lumpur pada bulan Mei tahun ini telah dituduh di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pada 4 November 2024 bagi kesalahan di bawah seksyen 323 Kanun Keseksaan. Tertuduh telah mengaku bersalah kepada pertuduhan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000.00 terhadap tertuduh, jika gagal dibayar tertuduh akan dipenjarakan selama 20 hari.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan individu yang telah dijatuhkan hukuman mati untuk kali pertama dari 1 Januari 2024 hingga 14 Oktober 2024 dan bilangan peringanan hukuman mati dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan individu yang telah dijatuhkan hukuman mati untuk kali pertama dari 1 Januari 2024 hingga 14 Oktober 2024 mengikut mahkamah adalah seperti berikut:

MAHKAMAH TINGGI	MAHKAMAH RAYUAN
12	6

2. Manakala dalam tempoh yang sama, seramai 866 individu telah mendapat peringanan hukuman mati di Mahkamah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, 52 individu merupakan banduan yang berada di peringkat rayuan yang telah diberikan peringanan hukuman mati kepada hukuman pemenjaraan. Sementara itu, 814 individu lagi telah diberikan peringanan hukuman mati kepada hukuman pemenjaraan melalui pendengaran permohonan semakan hukuman mati di bawah Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 [**Akta 847**] yang berkuat kuasa pada 12 September 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan elaun tetap kepada guru KAFA dapat dimaksimakan kepada RM1500 di seluruh negara.

JAWAPAN

YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program KAFA yang dilaksanakan ini adalah merupakan program pengukuhan kepada pendidikan Islam arus perdana. Masa bekerja guru KAFA yang ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan pelaksanaan KAFA baharu tahun 2022 adalah masih kekal dengan bekerja selama 3 hari dalam seminggu. Elaun guru KAFA adalah dibayar berdasarkan jumlah jam bekerja yang telah diperuntukkan. Usaha untuk menambah baik jurang perbezaan ini adalah bukan mudah kerana akan melibatkan penambahbaikan waktu bekerja serta penyesuaian masa Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di premis KAFA yang kebanyakan berada di sekolah-sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu syarat dan keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berwajib perlu di penuhi untuk menambah baik elaun guru KAFA.
2. Untuk itu menerusi Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama [PELAN TRANSFORMASI AL-FALAH) Kerajaan akan berusaha untuk pelaksanaan KAFA Perdana disamping mengadakan sesi libat urus dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Pihak berkuasa Agama Negeri. Antara strategi untuk menambahbaik elaun guru KAFA adalah seperti berikut;

- a) Menyelaras waktu bertugas guru kepada 6 jam sehari
 - b) Perubahan sesi persekolahan KAFA dari 3 hari kepada 5 hari
 - c) Penambahbaikan garis panduan KAFA Perdana
3. Selain itu, bagi memperkemas tatakelola pengurusan elaun guru KAFA diseluruh negara kerajaan telah menetapkan bermula november 2024 pembayaran elaun guru KAFA akan diselaraskan oleh Unit Perancangan Pembangunan (ICU JPM) secara *Payroll*. Ini bermakna semua guru akan menerima elaun sama seperti kebanyakan penjawat awam. Kerajaan berharap dengan adanya usaha kerjasama strategik antara persekutuan dan pihak berkuasa Agama Negeri dapat memberikan impak yang positif terhadap tatakelola elaun guru KAFA.
4. Setelah hampir 34 tahun guru KAFA menabur bakti mendidik anak bangsa selama itulah juga Kerajaan konsisten dan komited memberikan kemudahan seperti kenaikan elaun mengajar, bantuan khas kewangan (one-off) serta cuti-cuti yang berkelayakan turut diberikan kepada semua guru KAFA. Kepercayaan dan sokongan yang berterusan kepada guru-guru ini diharapkan dapat membantu kelangsungan hidup mereka di zaman serba mencabar ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
[AMPANG]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini RUU Profesion Kerja Sosial yang telah dibincangkan hampir 20 tahun di samping penambahbaikan pada draf RUU tersebut demi meningkatkan perlindungan, keselamatan dan kesejahteraan pekerja sosial dan klien mereka termasuk keperluan menyediakan mereka di hospital-hospital dan pusat-pusat tahanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang giat berusaha dan meneruskan inisiatif ke arah memartabatkan profesion kerja sosial melalui penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (RUU PKS).
2. Peruntukan yang dicadang dalam draf RUU PKS itu antara lain mengandungi takrifan kerja sosial dan pekerja sosial, serta penjelasan berkaitan skop amalan kerja sosial. Ia juga mengandungi peruntukan berkaitan penubuhan Majlis Profesion Kerja Sosial (MPKS) yang berperanan untuk mengiktiraf, mendaftar dan mengawal selia amalan kerja sosial. Ini akan membantu melancarkan jaringan kerjasama dalam penyampaian perkhidmatan yang profesional, perkongsian amalan terbaik dan menyokong profesion menerusi rangkaian badan profesion lain termasuklah di peringkat antarabangsa.
3. Majlis sebagai satu badan kawal selia melalui peruntukan RUU PKS ini secara tidak langsung akan bertindak sebagai medium untuk membincangkan cadangan penambahbaikan latihan dan program pembangunan profesional berterusan bukan hanya dalam kalangan penjawat awam, tetapi juga kepada mereka yang terlibat dalam kerja sosial di sektor swasta, termasuk di pertubuhan bukan kerajaan (NGO).
4. Selain itu, RUU PKS juga akan memperuntukkan penubuhan jawatankuasa siasatan yang akan membolehkan siasatan terperinci dijalankan ke atas setiap aduan yang diterima. Fasal tersebut sekaligus akan memberikan perlindungan bukan hanya kepada individu (klien), tetapi juga kepada pekerja sosial bagi memastikan mereka juga dilindungi daripada tuduhan atau fitnah yang tidak munasabah semasa menjalankan tugas.
5. Untuk makluman, proses penggubalan RUU PKS ini telah dimulakan secara aktif pada tahun 2019 dan draf asal telah disediakan pada akhir tahun tersebut. Satu pasukan khas (*Special Project Team*)

NO SOALAN : 34

Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (SPT RUU PKS) yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian dan agensi berkaitan, ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pengamal kerja sosial juga telah ditubuhkan untuk meperhalusi draf RUU tersebut.

6. Hasil dapatan pelbagai sesi libat urus berterusan khususnya antara agensi Kerajaan ke atas draf RUU tersebut memerlukan beberapa penelitian khusus, termasuklah melibatkan ketetapan dasar bagi memastikan kesediaan pemakaian RUU PKS setelah diluluskan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[SUBANG]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan pernah dan akan mendesak negara-negara ASEAN yang lain untuk berhenti menyediakan fasiliti perdagangan dan perbankan kepada Kerajaan Junta Myanmar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Subang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pendirian Malaysia mengenai isu Myanmar adalah jelas dan konsisten. Malaysia memandang berat konflik berpanjangan di negara tersebut yang masih tidak menunjukkan sebarang kemajuan semenjak rampasan kuasa tentera berlaku pada 1 Februari 2021.

3. Jalan ke hadapan kepada konflik yang berterusan di Myanmar memerlukan pendekatan yang komprehensif dan seharusnya ia diteroka melalui pendekatan dan penyelesaian pelbagai serampang yang kreatif dan inklusif. Ini adalah penting bagi memastikan usaha-usaha tertumpu ke arah memudah cara penyelesaian damai di Myanmar menerusi meredakan ketegangan, mewujudkan gencatan senjata, mengadakan dialog inklusif yang melibatkan semua pemegang taruh di Myanmar dan penyaluran bantuan kemanusiaan kepada semua rakyat Myanmar yang memerlukan, tanpa diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Malaysia tidak pernah dan tidak akan mendesak negara-negara ASEAN yang lain untuk berhenti menyediakan fasiliti perdagangan dan perbankan kepada Kerajaan Junta Myanmar. Ini kerana prinsip, dengan izin, *non-interference* adalah salah satu teras penubuhan ASEAN yang diamalkan dan dihormati oleh Negara-negara Anggota ASEAN.

5. Namun begitu, Malaysia akan terus bekerjasama erat dengan Negara-negara Anggota ASEAN secara kolektif untuk mengembalikan negara tersebut ke landasan demokrasi. Ini termasuk usaha ASEAN untuk memastikan pelaksanaan penuh Kemuafakatan Lima Perkara, atau dengan izin, *Five-Point Consensus* (5PC) oleh pihak berkuasa Myanmar.

6. Malaysia akan mengambil pendekatan yang inklusif dan pelbagai serampang, atau dengan izin, *multi-prong*, dan mendekati semua pihak termasuk Junta Myanmar dan negara-negara berpengaruh seperti China dan India, dalam perbincangan-perbincangan ke arah mencari jalan penyelesaian yang kekal serta selaras dengan aspirasi rakyat Myanmar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan pembinaan kompleks mahkamah baru di Tawau memandangkan Mahkamah Tawau yang dibina semenjak 1983 tidak mampu menampung kepesatan keperluan lebih 1 juta penduduk di Parlimen Tawau, Kalabakan, Semporna dan Lahad Datu menyebabkan kelewatan kes dan ancaman keselamatan sekaligus menimbulkan masalah sosio ekonomi masyarakat setempat.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kerajaan sentiasa peka dan prihatin di atas keperluan penyediaan infrastruktur yang lengkap dan menepati keperluan pengoperasian semasa bangunan mahkamah selaras dengan peranan Badan Kehakiman dalam memastikan prinsip *access to justice* kepada semua lapisan masyarakat. Usaha berterusan dalam membaik pulih bangunan mahkamah sedia ada dan pembinaan bangunan mahkamah baharu sentiasa dilaksanakan untuk menjamin penyampaian perkhidmatan yang cekap kepada orang awam tercapai melalui penyediaan prasarana yang terbaik. Dalam hal ini, projek-projek yang dirancang adalah berpaksikan kepada jaminan keselamatan dan keselesaan untuk para Hakim, pegawai kehakiman, kakitangan mahkamah, pihak berkepentingan dan orang ramai yang berurusan dengan mahkamah.

2. Sehubungan itu, atas dasar kepentingan orang awam (warganegara dan bukan warganegara) khususnya 413.6 ribu penduduk Tawau, 58.7 ribu penduduk Kalabakan, 199.3 ribu penduduk Semporna, 79.6 ribu penduduk Kunak dan 253.7 ribu penduduk Lahad Datu, Sabah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (**BHEUU, JPM**) dengan kerjasama Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (**PKPMP**) telah mengenalpasti keperluan pelaksanaan Projek Pembangunan Kompleks Mahkamah Baharu Tawau untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13). Projek ini dirancang dilaksanakan merangkumi skop 9 Bilik Bicara iaitu dua (2) Mahkamah Tinggi, tiga (3) Mahkamah Sesyen dan empat (4) Mahkamah Majistret serta ruangan sokongan yang mencukupi untuk menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna mahkamah. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan

NO SOALAN : 36

daripada pihak Kementerian Ekonomi dan Kementerian Keuangan sejajar dengan prestasi keuangan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bantuan kepada para pengusaha kecil khususnya usahawan Muslim dalam mendapatkan pensijilan halal.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited dan konsisten untuk membantu usahawan-usahawan termasuklah pengusaha industri kecil dalam pelbagai aspek, khususnya melalui program bimbingan halal. Dalam hal ini, Kerajaan, melalui JAKIM dan Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN/JAIN) bersama-sama agensi pembimbing memfokuskan kepada strategi bimbingan kepada industri bagi memastikan industri bersedia memohon pensijilan halal, seperti yang berikut:
 - (i) Mengadakan program kesedaran pensijilan halal kepada industri;
 - (ii) Mengadakan latihan intensif permohonan pensijilan halal kepada industri melalui Penyedia Latihan Halal dan Rakan Strategik yang diselaras oleh JAKIM;
 - (iii) Menganjurkan klinik halal sebagai bimbingan kepada pemohon pensijilan halal yang bermasalah;

- (iv) Mengadakan kerjasama dengan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dalam membimbing usahawan industri mikro mengemukakan permohonan pensijilan halal; dan
 - (v) Mengadakan Program *Halal on Track* yang antara lainnya memfokuskan bimbingan pensijilan halal secara terus, pameran dari pelbagai pemain industri dan ceramah berkaitan pensijilan halal.
2. JAKIM juga turut membangunkan Pelan Tindakan Pengurusan Bimbingan Halal sebagai langkah strategik untuk meningkatkan jumlah pemegang SPHM dalam kalangan industri kecil dan mikro, serta membantu meningkatkan kapasiti serta keupayaan usahawan memahami piawaian pensijilan halal Malaysia.
3. Dalam usaha membantu pihak industri untuk lebih bersedia sebelum mengemukakan permohonan halal dan mengurangkan jumlah permohonan yang ditolak, Kerajaan telah melancarkan i-Bimbing Halal semasa Program *Halal On Track* Bersama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 9 Oktober 2023, bertempat di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Ia merupakan suatu modul yang disediakan dalam aplikasi mobil *verify halal*, yang bertujuan untuk membantu pihak industri melakukan penilaian sendiri sebagai persediaan ke arah permohonan SPHM. Soalan yang dikemukakan melalui i-Bimbing tersebut adalah berdasarkan keperluan yang terkandung di dalam

Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 (MPPHM).

4. Kerajaan juga, melalui JAKIM dan pihak berkuasa agama negeri-negeri sentiasa mengadakan kolaborasi dan kerjasama dengan agensi-agensi pembimbing seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Lembaga Perusahaan Pekebun Kecil (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam usaha memudahcara dan membantu usahawan khususnya usahawan Industri Kecil dan Mikro.

5. Selain itu, JAKIM telah melaksanakan inisiatif Klinik Halal sebagai satu usaha proaktif untuk membantu industri yang menghadapi kesulitan dalam permohonan Skim Pensijilan Halal Malaysia (SPHM). Klinik Halal ini berfungsi sebagai bantuan fasilitasi yang menyediakan panduan, sokongan, dan nasihat kepada industri mengenai proses permohonan dan pematuhan kepada standard halal yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI
ACHING
[BEAUFORT]**
TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan melalui Pelan Induk Industri Halal 2030 (HIMP 2030) apakah usaha yang telah digerakkan oleh Kementerian dalam memastikan Industri halal ini berkembang dan Malaysia mendapat manfaat terhadap potensi Industri halal yang besar di peringkat global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

1. Pelan Induk Industri Halal 2030 (*Halal Industry Master Plan 2030 – HIMP 2030*) telah dilancarkan pada tahun 2023 dengan tujuan untuk menggalakkan industri Halal yang berkualiti, inovatif dan berdaya saing; membangunkan perusahaan tempatan yang berprestasi tinggi; dan memacu pertumbuhan sosio-ekonomi yang mampan, seimbang dan inklusif.
2. HIMP 2030 telah menggariskan tujuh (7) Teras Strategik dan 23 Inisiatif yang merangkumi penambahbaikan dasar dan perundangan yang mesra industri, meneroka pasaran baharu, mewujudkan lebih ramai golongan pakar industri, meningkatkan kualiti infrastruktur perindustrian serta mengenalpasti Syarikat Juara Tempatan (*Home-grown Champion*) bagi pengeluaran produk dan penyediaan perkhidmatan berkaitan Halal.
3. Program-program pembangunan melibatkan syarikat tempatan telah dijalankan dalam usaha memberi peluang untuk menceburi sektor halal dalam usaha memperkukuh rantai bekalan, mengadaptasi teknologi digital dan mengkomersialkan produk-produk keluaran mereka. Antara inisiatif dan program yang telah dilaksanakan adalah:
 - a. Latihan Industri Halal yang memberikan khidmat latihan dan bimbingan kepada syarikat-syarikat atau pengusaha mengenai asas-asas pensijilan dan pembangunan industri halal. Sehingga kini, sebanyak 18 buah syarikat dari sektor makanan dan minuman serta perkhidmatan logistik telah mengambil bahagian di dalam program ini.
 - b. *Halal Home Grown Champion* yang bertujuan untuk membangunkan kapasiti dan daya saing syarikat tempatan di dalam rantai bekalan halal, antaranya:

- i. HDC telah melaksanakan Program Halal *Home Grown Champion-Sourcing Partnership* dari tahun 2020 sehingga 2023;
 - ii. Sejumlah 158 syarikat telah menerima fasilitasi tersebut; dan daripada jumlah ini, 77 buah syarikat adalah syarikat Bumiputera dan 33 syarikat berjaya menjadi pembekal kepada syarikat multinasional (MNC) dan syarikat besar tempatan (LLC) seperti F&N, Lotus dan Lulu.
 - iii. Program ini diteruskan sebagai program *Halal Home Grown Champion 2.0* bagi tahun 2024.
 - c. *Malaysia Global Halal Show* yang menawarkan khidmat bimbingan kepada syarikat untuk menembusi akses pasaran antarabangsa. Sehingga kini, lima belas (15) buah syarikat telah menyertai *The Saudi Food Show* yang telah berlangsung pada bulan Mei 2024 dan Food and Hospitality Indonesia (FHI) 2024 bertempat di Jakarta, Indonesia pada 23 hingga 26 Julai 2024. Syarikat-syarikat ini telah mewakili sektor makanan dan minuman, kosmetik serta penjagaan diri.
 - d. program pembiayaan bersasar dan inklusif melalui *Halal Integrated Platform - Financial Solution Program* dan inisiatif *Halal Accreditation and Technology Improvement (HATI)* dengan penyediaan bantuan kewangan RM100 juta bagi aktiviti pemasaran produk, peningkatan keupayaan dan kapasiti serta penambahbaikan fasiliti perniagaan dalam sektor makanan dan minuman, farmaseutikal serta kosmetik.
4. Pelaksanaan semua inisiatif ini mampu memastikan sasaran sumbangan industri Halal sebanyak 8.1% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan RM63 billion eksport halal pada tahun 2025. Selain itu, struktur tadbir urus pembangunan industri halal dibawah Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH) akan dapat terus memacu

NO SOALAN : 38

pertumbuhan industri ini serta mempertingkatkan akses syarikat-syarikat tempatan ke rangkaian serantau dan global dalam pasaran halal antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **PERDANA MENTERI** tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menerbitkan, secara berkala, percuma dan senang diakses, bilangan pengundi, peta digital dan keputusan pilihan raya peringkat daerah mengundi dan saluran untuk penggunaan orang awam dan sarjana memandangkan komitmen Kerajaan dalam melaksanakan kebebasan maklumat.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR menyediakan Daftar Pemilih Induk (DPI) dan Daftar Pemilih Tambahan (DPT) untuk dijual kepada mana-mana pihak yang diluluskan oleh SPR. DPI dan DPT ini boleh dibeli daripada SPR dalam format buku dan *pendrive*. Kadar harga jualan bagi DPI dan DPT adalah berdasarkan kepada jumlah bilangan setiap muka surat yang mengandungi lima puluh nama atau kurang. SPR juga menyediakan Statistik Daftar Pemilih terkini setiap bulan dalam format *Portable Document Format* (pdf) mengikut negeri dan bahagian pilihan raya seperti berikut:

- (a) Statistik Kategori Pemilih Mengikut Bahagian Pilihan Raya;
- (b) Statistik Jantina mengikut Bahagian Pilihan Raya; dan
- (c) Statistik Umur mengikut Bahagian Pilihan Raya.

2. Mana-mana pihak yang berhasrat mendapatkan DPI, DPT dan Statistik Daftar Pemilih boleh mengemukakan permohonan bertulis secara e-mel atau surat kepada Ibu Pejabat SPR atau Pejabat Pilihan Raya Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan seperti mana yang ditetapkan di bawah peraturan 28(b) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

3. Berdasarkan kepada Peraturan 26A (2) dan (3), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, helaian mata (*score sheet*) keputusan bagi sesuatu pilihan raya akan dibekalkan berdasarkan permohonan dan fi sebanyak dua ringgit akan dikenakan bagi setiap helaian. Selain itu, keputusan pilihan raya boleh diakses secara percuma di portal rasmi SPR di www.spr.gov.my atau capaian pantas di <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan>.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
[SRI GADING]
TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah peningkatan kadar gaji yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bermula Disember tahun ini akan memberi kesan secara langsung kepada kadar inflasi serta peningkatan kos sara hidup.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat banyak faktor yang memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada kadar inflasi serta kos sara hidup antaranya peningkatan dalam kos pengeluaran, dasar kewangan atau dengan izin – *monetary policy*, gangguan dalam rantai bekalan, peningkatan dalam permintaan dan cabaran-cabaran lain yang berada di luar kawalan.
2. Dalam hal ini, kesan langsung penyesuaian gaji penjawat awam sudah tentu akan dapat meningkatkan kuasa beli di kalangan penjawat awam. Apabila penjawat awam berbelanja, urus niaga ini akan kembali menyumbang ke dalam kitaran ekonomi negara.
3. Secara relatifnya, peningkatan inflasi adalah diperlukan bagi memastikan ekonomi terus berkembang. Walau bagaimanapun, kadar peningkatan inflasi tersebut hendaklah terkawal, supaya tidak berlaku 'kejutan' kepada kos sara hidup rakyat.
4. Namun, bagi menghadapi sebarang kemungkinan kepada reaksi ekonomi tempatan apabila kenaikan gaji penjawat awam bermula pada Disember tahun ini, Kerajaan secara *whole-of-nation approach* akan berusaha memastikan peningkatan gaji ini tidak mendatangkan impak negatif khususnya dari segi kenaikan inflasi serta kos sara hidup. Perkara ini boleh dicapai antaranya melalui pelaksanaan pemberian subsidi bersasar serta bantuan langsung kepada golongan yang memerlukan.
5. Kerajaan berpandangan adalah wajar gaji penjawat awam dinaikkan memandangkan kali terakhir penjawat awam menerima pelarasan gaji adalah pada tahun 2012. Peningkatan gaji yang diberikan ini adalah selaras dengan peningkatan produktiviti perkhidmatan awam selain mampu mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup semasa yang dihadapi oleh penjawat awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha dan tindakan Kerajaan dalam menangani masalah peningkatan kes muflis di kalangan penjawat awam yang semakin membimbangkan.

JAWAPAN**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Insolvensi Malaysia (**Mdi**), jumlah kes kebangkrapan bagi penjawat awam dari tahun 2020 hingga September 2024 adalah sebanyak 3,602 kes. Daripada jumlah ini, kes kebangkrapan di kalangan penjawat awam bagi tahun 2024 adalah sebanyak 666 kes setakat ini. Perincian statistik bagi penjawat awam adalah seperti berikut:

TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	JUMLAH
BILANGAN KES	1009	678	621	628	666	3,602

2. Kerajaan sentiasa memandang serius masalah mufliis dan keterhutangan yang serius dalam kalangan penjawat awam. Ketua Jabatan di setiap kementerian dan jabatan bertanggungjawab untuk memantau dan menilai semula keupayaan pegawai yang mempunyai keterhutangan yang serius, untuk membayar hutangnya dari semasa ke semasa. Dalam hal yang demikian, Peraturan Berkaitan Penyelenggaraan Taraf Kehidupan dan Keterhutangan Kewangan yang Serius, antara lain memperuntukkan bahawa bagi tujuan had potongan gaji, pendapatan bersih pegawai awam hendaklah berada sekurang-kurangnya pada paras minimum 40% daripada emolumen bulanan pegawai, melainkan terdapatnya pinjaman perumahan dan pendidikan.

3. Antara peranan Unit Integriti yang diwujudkan di setiap Kementerian dan jabatan Kerajaan adalah untuk memantau pegawai yang menghadapi keterhutangan kewangan serius berdasarkan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Selain teguran dan amaran, penjawat awam yang terlibat juga diberikan bantuan

kaunseling kewangan untuk membantu mereka mengurus kewangan dengan lebih baik dan mengelakkan situasi muflis dan tindakan tatatertib yang berbangkit daripadanya.

4. Kerajaan juga tekad menjalankan pemantauan berterusan terhadap status keterhutangan serius dalam kalangan penjawat awam melalui Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang dirancang untuk tempoh tahun 2021 hingga 2025 dengan menyediakan langkah-langkah pencegahan, pendidikan dan penguatkuasaan yang kukuh untuk memastikan integriti dan ketelusan untuk mengurus kewangan dalam kalangan penjawat awam.

5. Dalam menangani isu peningkatan kes muflis dalam kalangan penjawat awam, Jabatan Insolvensi Malaysia sentiasa komited dalam melaksanakan usaha untuk menjalankan program kesedaran berkenaan implikasi kebangkrapan ke atas penjawat awam. Program tersebut dijalankan dengan jalinan kerjasama dengan pelbagai kementerian dan jabatan. Selain sesi ceramah, program yang dilaksanakan merangkumi aktiviti reruai pameran dan khidmat nasihat. Sebagai contoh, pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 (MAPPA XIX) yang diadakan pada 16.8.2024, Mdl turut memberikan khidmat nasihat dan penerangan berkenaan pelepasan kebangkrapan di bawah inisiatif Dasar Peluang Kedua.

6. Selanjutnya, Dasar Peluang Kedua yang dibentangkan semasa Belanjawan 2024 turut memberi manfaat kepada pelepasan kebangkrapan dalam kalangan penjawat awam dan memberi peluang kedua untuk memperbaiki pengurusan kewangan dan taraf kehidupan.

7. Kerajaan juga melalui Mdl turut mengambil inisiatif dengan memberikan taklimat mengenai implikasi kebangkrapan dan program kesedaran pengurusan kewangan termasuklah kepada penjawat awam yang baharu menyertai perkhidmatan awam dan menerapkan kesedaran kewangan seawal penjawat awam memasuki kerjaya. Taklimat tersebut telah diberikan kepada agensi-agensi Kerajaan termasuklah Polis Diraja Malaysia (**PDRM**), Jabatan Pengangkutan Jalan (**JPJ**), Kementerian Kesihatan Malaysia (**KKM**), Kementerian Pendidikan

NO SOALAN : 41

Tinggi (**KPT**), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (**KWSP**), dan Pejabat Tanah dan Galian (**PTG**).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN
ABDULLAH
[PAYA BESAR]**
TARIKH : 6 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR]
minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**
menyatakan :

- a. adakah Kementerian merancang untuk memanfaatkan teknologi penumpuan fotonik-elektronik dalam pembinaan pusat data; dan
- b. apakah tindakan yang sedang diambil untuk mewujudkan taman-taman industri hijau dan memastikan kemampuan pelaburan dalam pembangunan perindustrian baharu terutama sektor semikonduktor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) sedang dalam proses memuktamadkan Garis Panduan Pembangunan Mampan bagi Pusat Data. Garis Panduan ini merangkumi metrik *Power Usage Effectiveness* (PUE) dan *Water Usage Effectiveness* (WUE) bagi mengukur kecekapan penggunaan tenaga dan air.
2. Selain itu, bagi memastikan pembangunan pusat data yang mampan secara menyeluruh, Garis Panduan ini turut menetapkan metrik bagi *Carbon Usage Effectiveness* (CUE) untuk mengukur pelepasan karbon oleh pusat data. Garis Panduan berkenaan sedang dimuktamadkan, dan ianya akan dijadikan sebagai salah satu syarat bagi permohonan insentif untuk pelaburan pusat data kelak.
3. MITI menggalakkan industri pusat data untuk menggunakan peralatan cekap tenaga yang berasaskan teknologi, termasuk teknologi *fotonik-elektronik* yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga dan kos operasi pusat data. Langkah ini adalah seiring dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan industri pusat data yang mampan di Malaysia.
4. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui agensinya, iaitu SIRIM Berhad (SIRIM) juga sedang memuktamadkan Rangka Kerja Taman Perindustrian Eko (*Eco-Industrial Park - EIP*) menerusi *Projek Technology-Enabled Support for the Development of Ecoindustrial Park – Intervention and Digitalisation* (MY-EIP).
5. Secara umumnya, Projek MY-EIP ini bertujuan menghasilkan Rangka Kerja EIP melalui transformasi kawasan perindustrian sedia ada (*brown field*) dengan menerapkan elemen Ekonomi, Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus bagi mencapai simbiosis industri dalam menggalakkan produktiviti, kemampanan dan daya saing di kawasan perindustrian yang dikenal pasti.
6. Selain itu, MITI juga turut terlibat di dalam *Greening Industrial Park Pilot Project* yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah *Joint Committee on Climate Change* (JC3) yang turut dianggotai oleh Kementerian dan agensi berkaitan seperti Kementerian Ekonomi (KE), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), SIRIM Berhad, PLANMalaysia, Suruhanjaya Sekuriti, CIMB Bank dan Bank

Pembangunan. Objektif utama projek perintis ini adalah untuk membangunkan model peralihan untuk menghijaukan kawasan perindustrian sedia ada melalui penghijauan infrastruktur dan operasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di kawasan perindustrian yang terpilih. Projek tersebut menyokong usaha Kerajaan untuk mencapai sasaran Sifar Bersih (*Net Zero*) menjelang tahun 2050 dan meningkatkan daya saing serta kebolehpasaran produk tempatan yang mematuhi peraturan global.

7. Kerajaan juga telah mengumumkan pembangunan *Kerian Integrated Green Industrial Park* (KIGIP) sebagai kawasan perindustrian berteknologi tinggi berasaskan sumber tenaga hijau bagi membina ekosistem lebih luas untuk kluster elektrik dan elektronik (E&E) di wilayah utara. Projek KIGIP, selepas siap kelak, akan melengkap *spillover demand* kepesatan industri E&E, termasuk semikonduktor di Zon Perindustrian Bebas di Pulau Pinang dan Taman Teknologi Tinggi Kulim (Kulim Hi-Tech Park – KHTP) di Kedah. Pembangunan KIGIP ini dilihat selari dengan hasrat Strategi Semikonduktor Nasional (SSN) untuk menyediakan ekosistem perindustrian hijau yang lengkap bagi menarik pelaburan dalam sektor fabrikasi wafer ke Malaysia selaras dengan tren perindustrian global yang menekankan kelestarian alam sekitar dan kecekapan tenaga.

8. Pembangunan KIGIP sedang digerakkan secara *Whole-of-Government Approach* menerusi kerjasama dan sinergi erat *Public-Private Partnership* (PPP) antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak serta pihak SD Guthrie Berhad dan Permodalan Nasional Berhad bagi memastikan KIGIP dapat direalisasikan dengan jayanya.

9. Usaha telah dan sedang diambil bagi menguar-uarkan peluang dan potensi KIGIP sebagai destinasi pelaburan pilihan kepada para pelabur. KIGIP yang berkonsepkan Taman Perindustrian “Hijau dan Pintar” (*“Green” and “Smart”*), akan berupaya menjana aktiviti ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan kepada bakat mahir, serta menarik pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi.

Sekian, terima kasih.